

Gereja St. Patrick, Tawau  
Sejak 1917

22 Mac 2026

Membina gereja sel yang kuat  
iaitu berpusat kepada Kristus,  
transformasi hidup,  
melengkapi mereka yang diselamatkan,  
menginjil jiwa yang hilang dan  
komited kepada misi.

YEAR OF  
**AWAK BANGUN**  
苏醒 KEBANGUNAN

#### BISYOP DIOSIS

The Rt. Revd. Datuk Melter Jiki Tais

#### BISYOP SUFFRAGAN

- **Diosis Kawasan Timur Diosis Sabah**

The Rt. Revd. Datuk Melter Jiki Tais

- **Diosis Kawasan Barat Diosis Sabah**

The Rt. Revd. Kenneth Thien

- **Diosis Kawasan Selatan Diosis Sabah**

The Rt. Revd. John Yeo

#### REKTOR

The Rt. Revd. John Yeo

#### PEMBANTU REKTOR

Revd. Ho Kee Chung

#### PADERI/PASTOR

Revd. Samamadin Uloi

Revd. Robert Chin (Sukarela)

Revd. Chung Thau Yong (Sukarela)

Revd. Dr. Moses O. Afful Jr. (Sukarela)

Ps. Teh Chong Lay (Sukarela)

#### ZON BI: REV. NELSON TAI ZUN BIN

- **Dewasa:** Revd. Richard Tai Shaw Jiun

- **Belia:** Revd. Richard Tai Shaw Jiun

- **Muda-Mudi:** Revd. Nelson Tai Zun Bin

- **Kanak-Kanak:** Doris Chin

#### ZON BC: REV. HO KEE CHUNG

- **Dewasa:** Revd. Ho Kee Chung

- **Belia:** Alan Chung

- **Muda-Mudi:** Yvonne Lee

- **Kanak-Kanak:** Chan Mei Yong

- **Warga Emas:** Kok Feh Ken

#### ZON BM:

- **SPC:** Revd. Anzen Daud

Revd. Fredoline Babiah

- **PJA:** Revd. Majelus Majar

- **Dewasa:** Revd. Anzen Daud

- **Belia:** Danny Daniel

- **Muda-Mudi:** Sendi Yunus

- **Kanak-kanak:** Meros Majar

#### PELAYANAN SOKONGAN

- **Penjagaan & Kasih:**

Alex Wong Chun Sang

- **Kaunseling:** Ps. Lim Bun Hui

- **Sistem Bunyi:** Jackson Samuel

- **Doa:** Chu Sui Fun

- **Pasukan Pujian:** Esther Hoo

- **Pusat Sumber:** Jeanie Hiew

#### STAF PENTADBIRAN

- **PA Rektor:** Annie Chiew

- **Pentadbiran:** Margaret Khong

- **Penyelenggaraan:**

Rommel Lumantas

- **Pengangkutan:**

Rommel Lumantas

- **Kebersihan:** Margaret Khong

#### GEREJA MIST

- **Tarakan**

Revd. Jakobus Chong

Revd. Roy Nol Simon

- **Nunukan, Sei Menggaris, Sebakis**

Revd. Martin Ataring

Revd. Ferdinan Atonis

Ps. Christinah Simon

## Mesej Rektor



## PELAKU FIRMAN

*Sebab Aku telah memberikan suatu teladan kepada kamu, supaya kamu juga berbuat sama seperti yang telah Kuperbuat kepadamu. Aku berkata kepadamu: Sesungguhnya seorang hamba tidaklah lebih tinggi dari pada tuannya, ataupun seorang utusan dari pada dia yang mengutusnyanya. Jikalau kamu tahu semua ini, maka berbahagialah kamu, jika kamu melakukannya. (Yohanes 13:15-17)*

Tuhan Yesus sentiasa menjadi teladan bagi apa yang Dia mahu para murid-Nya lakukan. Daripada memberitakan Kerajaan Allah hingga menyembuhkan dan melakukan pelepasan, Dia sentiasa menunjukkan contoh terlebih dahulu supaya para murid dapat melihat dan melakukan. Bahkan dalam kerendahan hati, Dia menunjukkan apa maknanya menjadi seorang pemimpin yang rendah hati dan membuktikannya dengan membasuh kaki murid-murid-Nya. Rasul Paulus juga menetapkan contoh yang serupa dan menggalakkan jemaat Korintus, *Jadilah pengikutku, sama seperti aku juga menjadi pengikut Kristus.* (1 Korintus 11:1)

Saya berasa bangga terhadap para paderi dan pastor kita kerana menjadi teladan yang baik dengan mengamalkan apa maknanya mengasihi Allah dan mengasihi sesama manusia. Pada awal minggu ini, kami menerima permintaan daripada sebuah gereja di Singapura untuk membantu jemaah mereka yang berada dalam kesusahan. Keluarga tersebut mengalami kemalangan di Semporna semasa bercuti, dan mereka tidak mengenali sesiapa atau gereja untuk mereka hubungi.

Paderi kita segera bertindak dengan menghubungi keluarga tersebut, memberikan pelayanannya pengembalaan serta membantu dari segi logistik di Semporna dan Tawau.

*Muka surat seterusnya...*

Alamat: P.O. Box 279, 91007 Tawau, Sabah.

Tel: 089-772212 (Pejabat Gereja)

Email: spctawau@gmail.com | Laman Web: <https://www.hoprayer.org.my>

dari muka surat sebelah...

Keluarga tersebut selamat sampai ke rumah dan menulis untuk menyatakan rasa syukur serta penghargaan mereka atas kasih dan perhatian yang ditunjukkan kepada mereka pada saat-saat paling sukar.

Ketika saya menerima berita tentang apa yang telah dilakukan oleh paderi dan pastor kita untuk keluarga ini, saya sangat bersyukur kerana mereka benar-benar adalah pelaku Firman Allah. Seperti perumpamaan tentang Orang Samaria yang Baik Hati, mereka tidak berpaling, mereka menghulurkan bantuan walaupun tidak mengenali keluarga ini. Kami telah menyampaikan khutbah mengenai mengasihi Tuhan dengan segenap hati dan mengasihi sesama dengan sehangat hati, dan kini saya melihat mereka mengamalkannya tanpa mengharap balasan dan kesetiaan yang tidak berbelah bahagi.

Saya ingin mendorong kita semua untuk mengikut teladan mereka juga, dengan rendah hati menerapkan Firman Allah dalam kehidupan anda. Seperti yang dikatakan oleh Tuhan Yesus, *Jikalau kamu tahu semua ini, maka berbahagialah kamu, jika kamu melakukannya.*

## **TAHNAH KEPADA SPAA**

SPAA telah mencapai Status Model Cemerlang daripada School of Tomorrow Asia untuk tahun ketiga berturut-turut.

Tahniah kepada guru-guru dan para pelajar atas pencapaian cemerlang ini yang mencerminkan prestasi berkualiti tinggi serta semangat kerja berpasukan yang kukuh.

# **Berita**

## **NOTIS**

1. Menara Doa direhatkan pada 23 Mac 2026 (Isnin).
2. Kelompok Sel Dewasa, Belia dan Muda-Mudi berjalan seperti biasa pada minggu ini.
3. Kelompok Sel Kanak-Kanak direhatkan pada 29 Mac 2026 (Ahad) untuk memberi laluan kepada Retreat Pemimpin Sel Kanak-Kanak.
4. Pejabat Gereja, Pusat Sumber dan Cafeteria ditutup pada 23 Mac 2026 (Isnin).
5. Semua Pemimpin Sel Dewasa, Belia dan Muda-Mudi sila tinggal sebentar selepas kebaktian pada hari ini.

## **BM YOUTH FUN & EASY** **(KELOMPOK SEL MUDA-MUDI)**

**Aktiviti: Barbecue**

**22 - 28 Mac 2026**

*Mengikut Zon dan Kelompok Sel masing-masing.*

## **DOA MEMANDU** **(KELOMPOK SEL BELIA)**

**23 - 28 Mac 2026**

*Mengikut Zon dan Kelompok Sel masing-masing.*

## **PASKAH KELOMPOK SEL** **KANAK-KANAK**

**05 April 2026 (Ahad)**

**8:30pagi | Bilik Joy**

# Gereja

## **MINGGU KUDUS**

### **1. Minggu Palma**

29 Mac 2026 (Ahad)

(Kita akan buat daun salib bersama-sama semasa kebaktian)

### **2. Stesen Salib**

7:30malam - 9:30malam

### **30 Mac 2026 (Isnin) -**

Zon Utara 2 - Rumah Doa

### **31 Mac 2026 (Selasa) -**

Zon Apas - Rumah Doa

### **01 April 2026 (Rabu) -**

Zon Tengah - Rumah Doa  
Zon Utara 1 - Gereja St. Patrick

### **3. Khamis Putih**

02 April 2026 (Khamis)

(Mengikut zon dan kelompok sel)

### **4. Jumaat Agung**

(*Tayangan Filem Raja segala raja*)

03 April 2026 (Jumaat)

12:30tengah hari - 3:30petang  
Rumah Doa

### **5. Paskah**

05 April 2026 (Ahad)

11:00pagi - 1:30petang  
Rumah Doa

## **BERDOA UNTUK DUNIA**

- Peralihan ini akan menimbulkan rasa lapar rohani dalam kalangan jutaan rakyat Iran untuk mencari kebenaran rohani, serta mengurniakan gereja hikmat, keberanian, dan perlindungan untuk memenuhi kelaparan tersebut.
- Gereja dan pertubuhan bukan kerajaan untuk melayani mangsa dengan penuh belas kasihan, melalui tindakan kebaikan yang praktikal serta kasih Kristus. (1 Yohanes 3:18).

## **BERJALAN BERSAMA TUHAN MELALUI 40 HARI PUASA**

Tahun ini, kami ingin mendorong jemaah untuk membaca Perjanjian Baru sepanjang 40 hari, diakhiri dengan renungan setiap hari menggunakan 3 pertanyaan yang sama.

### **Hari 29-30: Surat Paulus (Kehidupan & Doktrin Kristian)**

- ◇ 23/3 (Hari 29) - Filipi 3-4, Kolose 1-4 dan 1 Tesalonika 1
- ◇ 24/3 (Hari 30) - 1 Tesalonika 2-5, 2 Tesalonika 1-3, 1 Timotius 1

### **Hari 31-34: Surat Paulus (Kehidupan & Doktrin Kristian)**

- ◇ 25/3 (Hari 31) - 1 Timotius 2-6 dan 2 Timotius 1-2
- ◇ 26/3 (Hari 32) - 2 Timotius 3-4, Titus 1-3, dan Filemon
- ◇ 27/3 (Hari 33) - Ibrani 1-7
- ◇ 28/3 (Hari 34) - Ibrani 8-13

### **Soalan Renungan Harian**

1. Ayat manakah daripada Firman Tuhan sedang berbicara kepada hatiku?
2. Adakah dosa atau kebiasaan yang Tuhan memanggilku untuk bertaubat?
3. Janji Tuhan apakah yang boleh kupegang dalam doa hari ini?

## **PEMBERIAN PERSEMAHAN**



Persepuluhan



Persembahan

## **PINDAHAN DALAM TALIAN**

⇒ Public Bank: 3091827035

Sila hantar salinan slip ke **011-59954101**

**Cek: St. Patrick's Church, Tawau**

# DIBANGUNKAN OLEH PANGGILAN YESUS

## LUKAS 19:1-10

### 1. Ketidaksempurnaan kita

*Lukas 19:2-3 - Di situ ada seorang bernama Zakheus, kepala pemungut cukai, dan ia seorang yang kaya. Ia berusaha untuk melihat orang apakah Yesus itu, tetapi ia tidak berhasil karena orang banyak, sebab badannya pendek.*

### 2. Kasih dan Anugerah Allah

*Lukas 19:5 - Ketika Yesus sampai ke tempat itu, Ia melihat ke atas dan berkata: "Zakheus, segeralah turun, sebab hari ini Aku harus menumpang di rumahmu."*

### 3. Bukti-bukti Perubahan

*Lukas 19:8 - Tetapi Zakheus berdiri dan berkata kepada Tuhan: "Tuhan, setengah dari milikku akan kuberikan kepada orang miskin dan sekiranya ada sesuatu yang kuperas dari seseorang akan kukembalikan empat kali lipat."*

### Penerapan Firman Tuhan

1. Apakah kelemahan dalam hidup anda (kelemahan fizikal, emosi, rohani, atau kesilapan/kegagalan pada masa lalu) yang menghalang anda? Seperti Zakheus yang memanjat pohon ara, apakah langkah khusus yang boleh anda ambil pada minggu ini untuk melihat kasih dan anugerah Tuhan dengan lebih jelas?
2. Dalam kehidupan harian anda, apakah perubahan yang anda sanggup lakukan untuk menyahut panggilan Yesus?